

**WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Bil. S 67**

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))**

**PERINTAH PENDAFTARAN PERANCANG BANDAR, 2014**

**SUSUNAN BAB-BAB**

**Bab**

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

1. Gelaran, permulaan kuat kuasa dan gelaran panjang.
2. Tafsiran.

**BAHAGIAN II**

**LEMBAGA PERANCANG BANDAR**

3. Penubuhan dan keahlian Lembaga.
4. Mesyuarat Lembaga.
5. Penamatan lantikan.
6. Pembatalan lantikan.
7. Tugas Lembaga.
8. Jawatankuasa.
9. Jawatankuasa hendaklah melaporkan kepada Lembaga.
10. Minit mesyuarat.

**BAHAGIAN III**

**PENDAFTARAN PERANCANG BANDAR**

11. Lantikan dan kewajipan Pendaftar.
12. Daftar.

13. Perancang bandar berdaftar.
  14. Orang yang layak untuk didaftarkan.
  15. Permohonan pendaftaran.
  16. Pengeluaran sijil pendaftaran.
  17. Hak.
  18. Pemberitahuan mengenai perubahan alamat.
  19. Pengeluaran dari Daftar.
  20. Kuasa Lembaga untuk membatalkan sijil dan mengeluarkan nama dari Daftar.
  21. Penyerahan balik sijil pendaftaran.
  22. Pemasukan semula.
  23. Rayuan.
  24. Pengecualian.
  25. Pendaftaran dengan cara fraud.
  26. Kesalahan.
  27. Tiada tindakan sekiranya tidak ada niat jahat.
  28. Aturan-aturan.
-

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))**

**PERINTAH PENDAFTARAN PERANCANG BANDAR, 2014**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Perintah yang berikut —

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

**Gelaran, permulaan kuat kuasa dan gelaran panjang.**

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Pendaftaran Perancang Bandar, 2014 dan hendaklah mula berjalan kuat kuasanya pada suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan pemberitahuan dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah “Suatu Perintah untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran perancang bandar dan bagi maksud-maksud yang berhubungan atau bersampingan dengannya”.

**Tafsiran.**

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

“ahli yang dilantik” bermakna seseorang ahli Lembaga yang dilantik di bawah bab 3(2)(b) atau (c);

“Lembaga” bermakna Lembaga Perancang Bandar yang ditubuhkan oleh bab 3(1);

“sijil pendaftaran” bermakna suatu sijil pendaftaran yang dikeluarkan di bawah bab 16(1);

“pengerusi” bermakna pengerusi Lembaga;

“Menteri” bermakna Menteri yang diberi tanggungjawab bagi perkara perancangan bandar;

“profesjon” bermakna profesion perancangan bandar;

“Daftar” bermakna Daftar Perancang Bandar yang disebut dalam bab 12;

“Pendaftar” bermakna Pendaftar Perancang Bandar yang disebut dalam bab 11.

## BAHAGIAN II

### LEMBAGA PERANCANG BANDAR

#### **Penubuhan dan keahlian Lembaga.**

3. (1) Dengan ini ditubuhkan suatu lembaga yang dikenali sebagai Lembaga Perancang Bandar.

(2) Lembaga hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut —

(a) Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa, yang akan menjadi pengurus;

(b) 4 orang yang dilantik oleh Menteri yang merupakan perancang bandar atau orang yang merupakan ahli *Royal Town Planning Institute of the United Kingdom* atau mana-mana badan profesional lain yang diiktiraf antarabangsa yang dibenarkan oleh Menteri;

(c) seorang yang dilantik oleh Menteri daripada badan profesional yang diiktiraf setempat yang dibenarkan oleh Menteri.

(3) Tempoh lantikan ahli-ahli, selain daripada pengurus, adalah 3 tahun, tetapi ahli-ahli tersebut adalah layak untuk dilantik semula.

(4) Semua perbuatan yang dilakukan oleh Lembaga adalah sah, walaupun terdapat sebarang kekosongan dalam Lembaga atau kemudiannya didapati bahawa terdapat kecacatan dalam lantikan mana-mana orang yang dikatakan sebagai ahlinya, seolah-olah kekosongan atau kecacatan itu tidak wujud.

#### **Mesyuarat Lembaga.**

4. (1) Sekiranya pengurus tidak hadir dalam suatu mesyuarat Lembaga, ahli-ahli yang hadir hendaklah memilih daripada kalangan mereka sendiri seseorang sebagai pengurus bagi mesyuarat itu.

(2) Pengerusi suatu mesyuarat hendaklah mempunyai undi asal dan juga undi pemutus.

(3) Lembaga hendaklah bermesyuarat di tempat dan pada masa sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh pengurus dan, dalam suatu mesyuarat, 4 orang ahli hendaklah membentuk *korum*.

## WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

---

(4) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, Lembaga boleh menentukan prosedurnya sendiri.

### **Penamatan lantikan.**

5. Lantikan seseorang ahli Lembaga yang dilantik hendaklah tamat jika dia meletakkan jawatannya.

### **Pembatalan lantikan.**

6. Menteri boleh membatalkan lantikan seseorang ahli Lembaga yang dilantik —

(a) jika kelakuannya, sama ada berkenaan dengan kewajipan-kewajipannya sebagai seorang ahli Lembaga atau pun selainnya, adalah sebegitu rupa sehingga mencemarkan nama baik Lembaga;

(b) jika dia telah menjadi tidak berupaya menjalankan dengan sewajarnya kewajipan-kewajipannya sebagai seorang ahli Lembaga;

(c) jika dia telah disabitkan atas suatu pertuduhan berkaitan dengan —

(i) suatu kesalahan yang melibatkan fraud, ketidakjujuran atau keburukan akhlak;

(ii) suatu kesalahan di bawah sebarang undang-undang berhubung dengan rasuah;

(iii) apa-apa kesalahan di bawah Perintah ini; atau

(iv) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum penjara melebihi 2 tahun;

(d) jika dia telah dihukum menjadi bankrap;

(e) jika dia telah didapati atau diisyiharkan sebagai tidak sempurna akal atau pun selainnya telah menjadi tidak berupaya menguruskan hal ehwalnya;

(f) jika dia tidak menghadiri mesyuarat Lembaga 3 kali berturut-turut tanpa mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada pengerusi;

(g) jika pendaftarannya telah dibatalkan atau telah menjadi tidak sah; atau

(h) jika namanya telah dikeluarkan dari Daftar.

**Tugas Lembaga.**

7. Tugas-tugas Lembaga adalah untuk —

- (a) meluluskan atau menolak permohonan pendaftaran di bawah Perintah ini;
- (b) membuat syor kepada Menteri tentang skala bayaran yang akan dikenakan oleh perancang bandar berdaftar bagi nasihat dan khidmat profesional yang diberikan;
- (c) mengadakan, menyelenggarakan, membuat dan memperbaiki standard kelakuan profesional dan etika profesion;
- (d) mengawal selia perjalanan profesion perancangan bandar;
- (e) mendengar dan memutuskan sendiri atau melantik seorang penimbang tara bagi mendengar pertikaian berhubung dengan kelakuan dan etika profesional perancang bandar berdaftar;
- (f) mewakili profesion dalam apa-apa perkara yang mungkin perlu atau mustahak;
- (g) memeriksa, melaporkan dan membuat syor mengenai apa-apa perkara lain yang menyentuh profesion;
- (h) melantik seseorang bagi mewakilinya dalam suatu badan atau panel pemeriksa yang boleh dilantik oleh mana-mana badan yang mewakili profesion;
- (i) membuat syor kepada pihak berkuasa yang berkaitan mengenai apa-apa peperiksaan kelayakan bagi penerimaan masuk ke dalam profesion;
- (j) melantik ahli-ahli Lembaga menjadi ahli dalam suatu lembaga, jawatankuasa atau badan yang ditubuhkan bagi apa-apa maksud yang menyentuh profesion;
- (k) melantik ahli-ahli Lembaga menjadi ahli dalam lembaga badan profesional lain;
- (l) mengeluarkan, menyiarkan dan menjual buletin atau surat berita perancangan; dan
- (m) melakukan, pada amnya, semua perbuatan, perkara dan hal sebagaimana yang dianggapnya perlu bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Perintah ini.

## **WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

### **Jawatankuasa.**

8. (1) Lembaga boleh melantik jawatankuasa-jawatankuasa sebagaimana yang difikirkannya mustahak —

(a) untuk menasihatinya mengenai perkara-perkara berkenaan dengan tugas-tugas, kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipannya;

(b) bagi penunaian tugas-tugasnya, perjalanan kuasa-kuasanya dan pelaksanaan kewajipan-kewajipannya dengan sewajarnya;

(c) bagi apa-apa maksud yang timbul dari atau berkenaan dengan tugas-tugas, kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipannya;

(d) untuk menjalankan tugas-tugas, kuasa-kuasa atau kewajipan-kewajipannya sebagaimana yang mungkin ditentukan atau diwakilkan olehnya;

(e) untuk menjalankan penyiasatan ke atas apa-apa aduan yang dibuat terhadap mana-mana perancang bandar berdaftar.

(2) Tertakluk kepada Perintah ini dan apa-apa arahan yang diberikan oleh Lembaga, suatu jawatankuasa boleh mengawal selia prosedurnya sendiri.

### **Jawatankuasa hendaklah melaporkan kepada Lembaga.**

9. (1) Suatu jawatankuasa hendaklah melaporkan dapatannya dan membuat syor kepada Lembaga.

(2) Selepas menerima dapatan dan syor itu, Lembaga boleh —

(a) menerima dapatan dan syor suatu jawatankuasa dan membuat perintah yang disyorkan itu;

(b) merujukkan balik perkara itu kepada suatu jawatankuasa bagi siasatan lanjut; atau

(c) membuat perintah lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

### **Minit mesyuarat.**

10. Suatu jawatankuasa hendaklah menyebabkan —

(a) minit mesyuaratnya disimpan dan diselenggarakan dalam bentuk yang sepatutnya; dan

(b) salinan-salinan minit itu dikemukakan kepada Lembaga tidak lewat dari 2 minggu daripada tarikh mesyuarat itu.

### BAHAGIAN III

#### PENDAFTARAN PERANCANG BANDAR

Lantikan dan kewajipan Pendaftar.

11. (1) Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa adalah Pendaftar.

(2) Pendaftar hendaklah —

(a) menyimpan dan menyelenggarakan Daftar;

(b) menandatangani semua sijil pendaftaran dan merekodkan dalam Daftar segala catatan pendaftaran, pembatalan, pengantungan dan pemasukan semula;

(c) menyiarkan dalam *Warta Kerajaan* —

(i) dengan seberapa segera yang boleh selepas 1hb Januari setiap tahun, satu senarai yang mengandungi nama, alamat, kelayakan dan tarikh kelayakan semua perancang bandar berdaftar; dan

(ii) dari semasa ke semasa, suatu senarai yang mengandungi nama, alamat, kelayakan dan tarikh kelayakan perancang bandar berdaftar yang telah —

(aa) ditambah kepada;

(ab) dikeluarkan dari; atau

(ac) dimasukkan semula ke dalam,

Daftar;

(d) menyiarkan dalam buletin atau surat berita perancangan satu senarai yang mengandungi nama dan alamat perancang bandar berdaftar yang telah —

(i) ditambah kepada;

(ii) dikeluarkan dari; atau

(iii) dimasukkan semula ke dalam,

## WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

---

Daftar dalam masa satu bulan dari penambahan, pengeluaran atau pemasukan semula itu.

(3) Dalam mana-mana prosiding —

(a) penyiaran satu senarai di bawah ceraian (2) adalah keterangan *prima facie* bahawa orang yang namanya terdapat di dalamnya adalah perancang bandar berdaftar;

(b) suatu sijil yang dikeluarkan menurut bab 16 adalah keterangan *prima facie* bahawa orang yang dinamakan di dalamnya sebagai seorang perancang bandar adalah seorang perancang bandar berdaftar; dan

(c) suatu sijil yang ditandatangani oleh Pendaftar bahawa nama seseorang telah dimasukkan, ditambah, dikeluarkan dari, atau dimasukkan semula ke dalam Daftar adalah keterangan muktamad bahawa orang itu adalah atau bukan (mengikut mana berkenaan) seorang perancang bandar berdaftar.

(4) Pendaftar boleh menyiaran pada setiap tahun dan menawarkan bagi jualan salinan Daftar.

### **Daftar.**

12. (1) Daftar Perancang Bandar hendaklah mengandungi nama dan alamat dan butir-butir lain, jika ada, sebagaimana yang ditetapkan semua orang yang didaftarkan menurut Perintah ini.

(2) Pendaftar hendaklah menyimpan dan menyelenggarakan Daftar di pejabat Lembaga yang boleh diakses bagi pemeriksaan awam.

### **Perancang bandar berdaftar.**

13. (1) Tiada seorang pun boleh, melainkan jika dia didaftarkan, memakai atau menggunakan nama atau gelaran perancang bandar atau apa-apa perkataan lain dalam mana-mana bahasa yang mempunyai makna yang sama atau serupa atau yang sama maksudnya atau memakai atau menggunakan apa-apa nama, gelaran, lambang atau perihalan lain yang membayangkan bahawa namanya atau nama mana-mana orang yang diambil bekerja olehnya didaftarkan atau bahawa dia atau orang lain tersebut berhak untuk didaftarkan.

(2) Seseorang yang bertindak dengan melanggar ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$1,000 dan dikenakan suatu denda tambahan sebanyak \$100 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

**Orang yang layak untuk didaftarkan.**

14. Tertakluk kepada Perintah ini, orang-orang yang berikut adalah layak untuk didaftarkan —

(a) mana-mana orang yang diambil bekerja sebagai seorang perancang bandar pada tarikh permulaan kuata kuasa Perintah ini;

(b) mana-mana orang yang merupakan ahli *Royal Town Planning Institute of the United Kingdom* atau mana-mana badan profesional lain yang diiktiraf antarabangsa yang mengawal selia perancangan bandar atau yang merupakan pemegang kelayakan lain sebagaimana yang mungkin diisyiharkan oleh Menteri dengan pemberitahuan dalam *Warta Kerajaan* sebagai kelayakan yang dibenarkan bagi maksud-maksud bab ini,

yang telah mematuhi syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Lembaga.

**Permohonan pendaftaran.**

15. (1) Mana-mana orang yang layak untuk didaftarkan di bawah Perintah ini boleh memohon kepada Lembaga bagi pendaftaran.

(2) Tiap-tiap permohonan yang dibuat kepada Lembaga hendaklah disertakan dengan bayaran permohonan yang tidak dikembalikan dalam suatu amaun yang ditetapkan yang akan dibayar mengikut cara yang dinyatakan oleh Lembaga dan dalam bentuk dan mengikut cara sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Lembaga.

**Pengeluaran sijil pendaftaran.**

16. (1) Pendaftar hendaklah mengeluarkan kepada mana-mana perancang bandar yang permohonan pendaftarannya telah diluluskan oleh Lembaga, suatu sijil pendaftaran dalam bentuk yang dibenarkan oleh Lembaga setelah bayaran yang ditetapkan dibuat.

(2) Sijil itu —

(a) hendaklah tamat tempohnya pada 31hb Disember tahun ia dikeluarkan; dan

(b) boleh diperbaharui pada setiap tahun setelah bayaran yang ditetapkan dibuat.

**Hak.**

17. (1) Tiap-tiap perancang bandar berdaftar adalah berhak untuk —

## WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

---

- (a) menyediakan skim perancangan bagi maksud-maksud Akta Perancangan Bandar dan Desa (Kawalan Kemajuan) (Penggal 143);
- (b) menjalankan kajian perancangan pembangunan bandar, luar bandar dan wilayah, dan kajian kemungkinan dan penilaian kesan alam sekitar berkaitan dengan kegunaan tanah;
- (c) menyediakan dan mengemukakan permohonan bagi kebenaran perancangan, susun atur pemecahan, lukisan, laporan perancangan, ringkasan perancangan dan cadangan pembangunan kepada mana-mana orang atau pihak berkuasa awam bagi maksud-maksud membangunkan mana-mana tanah; dan
- (d) apa-apa kerja lain berkaitan dengan perancangan bandar dan desa.

(2) Tiada sebarang apa pun yang terkandung dalam bab ini boleh menyentuh hak mana-mana orang lain di bawah sebarang undang-undang bertulis lain untuk melakukan mana-mana hal yang disebutkan dalam ceraian (1).

### **Pemberitahuan mengenai perubahan alamat.**

18. Tiap-tiap perancang bandar berdaftar hendaklah memberitahu Pendaftar mengenai apa-apa perubahan alamat perniagaannya atau alamat surat-menyuratnya dalam masa 14 hari dari perubahan itu.

### **Pengeluaran dari Daftar.**

19. Pendaftar hendaklah mengeluarkan dari Daftar nama dan butir-butir lain seorang perancang bandar berdaftar yang —

- (a) telah mati;
- (b) telah gagal memperbaharui pendaftarannya dalam masa 3 bulan dari tamat tempohnya;
- (c) telah didaftarkan dengan silap tentang kelayakannya untuk didaftarkan;
- (d) telah memohon secara bertulis bagi pengeluaran tersebut.

### **Kuasa Lembaga untuk membatalkan sijil dan mengeluarkan nama dari Daftar.**

20. (1) Tertakluk kepada bab ini, Lembaga boleh mengarahkan supaya suatu sijil dibatalkan dan nama dan butir-butir lain seorang perancang bandar berdaftar dikeluarkan dari Daftar jika —

- (a) dia telah disabitkan atas suatu kesalahan yang melibatkan fraud atau ketidakjujuran;
- (b) dia telah dihukum menjadi bankrap;
- (c) dia menjadi tidak sempurna akal;
- (d) dia telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Perintah ini;
- (e) pendaftarannya telah diperolehi dengan cara fraud atau salah nyata;
- (f) kelayakannya untuk didaftarkan di bawah bab 12 telah ditarik balik atau dibatalkan oleh pihak berkuasa yang melaluianya kelayakan itu diperolehi atau oleh pihak berkuasa yang menganugerahkan kelayakan itu;
- (g) dia telah didapati bersalah atas perbuatan atau kelakuan tidak senonoh yang menyebabkannya, pada pendapat Lembaga, tidak layak menjadi seorang perancang bandar; atau
- (h) didapati oleh Lembaga bahawa dia tidak dapat melaksanakan kewajipan-kewajipan seorang perancang bandar dengan berkesan di Negara Brunei Darussalam.

(2) Tiada arahan boleh diberikan di bawah ceraian (1) melainkan jika Lembaga telah memberikan kepada perancang bandar berdaftar yang disebut dalam arahan itu peluang untuk didengar sama ada sendiri atau melalui peguam.

(3) Suatu arahan di bawah ceraian (1) tidak boleh berkuat kuasa sehingga tamat tempoh satu bulan dari tarikh arahan itu telah disampaikan kepada perancang bandar berdaftar yang disebut dalam arahan itu atau, jika suatu rayuan terhadap arahan itu telah dibuat kepada Menteri di bawah bab 23, sehingga rayuan itu telah diputuskan atau ditarik balik.

(4) Jika suatu arahan di bawah ceraian (1) berkuat kuasa, Pendaftar hendaklah membuat perubahan dalam Daftar sebagaimana yang diperlukan untuk menguatkuasakannya.

**Penyerahan balik sijil pendaftaran.**

21. Seseorang yang namanya telah dikeluarkan dari Daftar hendaklah menyerahkan balik kepada Lembaga sijil pendaftaran dalam masa 14 hari dari pemberitahuan pengeluaran itu.

**WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Pemasukan semula.**

22. Jika nama itu telah dikeluarkan dari Daftar di bawah bab 19(b), ia hendaklah dimasukkan semula dengan serta-merta setelah bayaran yang ditetapkan dibuat.

**Rayuan.**

23. Mana-mana orang yang tidak puas hati dengan apa-apa keputusan Lembaga di bawah Perintah ini boleh merayu kepada Menteri, yang keputusannya adalah muktamad.

**Pengecualian.**

24. Seseorang perancang bandar yang memegang jawatan awam hendaklah dikecualikan daripada membuat apa-apa bayaran yang ditetapkan menurut Perintah ini.

**Pendaftaran dengan cara fraud.**

25. Mana-mana orang yang, dalam suatu permohonan pendaftaran di bawah Perintah ini, membuat, mengemukakan atau menyebabkan untuk dibuat atau dikemukakan, apa-apa representasi, sijil atau pengakuan palsu atau fraud, sama ada secara lisan atau secara bertulis, atau yang dengan mengetahui membantu atau menolongnya adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$5,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

**Kesalahan.**

26. Mana-mana orang yang melanggar atau gagal mematuhi mana-mana peruntukan Perintah ini yang baginya tiada hukuman lain diperuntukkan dengan nyata adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$5,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi \$500 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

**Tiada tindakan sekiranya tidak ada niat jahat.**

27. Tiada tindakan atau prosiding boleh diambil terhadap Lembaga, mana-mana jawatankuasa atau mana-mana ahlinya kerana apa-apa perbuatan atau hal yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan dengan suci hati dalam menunaikan atau dikatakan pada menunaikan kewajipan-kewajipannya di bawah Perintah ini.

**Aturan-aturan.**

28. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat aturan-aturan yang perlu atau mustahak bagi menguatkuasakan dan melaksanakan peruntukan-peruntukan Perintah ini, termasuk penetapan bayaran dan bagi apa-apa hal lain yang dikehendaki untuk ditetapkan atau yang boleh ditetapkan di bawah Perintah ini, dan bagi pelaksanaannya yang sewajarnya.

(2) Aturan-aturan tersebut boleh termasuk peruntukan-peruntukan bersampingan, berbangkit dan tambahan sebagaimana yang dianggap perlu atau mustahak oleh Menteri.

Diperbuat pada hari ini 25 haribulan Muarram, Tahun Hijrah 1436 bersamaan dengan 18 haribulan November, 2014 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**